

Jenis Akhbar : Kosmo Ahad

Tarikh : 29/01/2023

Edisi / Muka Surat : Nasional / 10

Tajuk : Sasar penyertaan 500 premis koperasi Ar-Rahnu tahun ini

Sasar penyertaan 500 premis koperasi Ar-Rahnu tahun ini

SHAH ALAM – Sektor koperasi menyasarkan penyertaan sebanyak 500 premis berdaftar yang menjalankan perniagaan pajak gadai Islam atau Ar-Rahnu di seluruh negara tahun ini.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) merekodkan, sebanyak 365 premis di bawah gerakan koperasi sudah beroperasi setakat ini.

Kata beliau, pemerhatian mendapati, pertumbuhan perniagaan Ar-Rahnu menunjukkan sambutan positif termasuk di Sabah dan Sarawak.

"Selain patuh syariah, ia salah satu sumber bagi mendapatkan pembiayaan makro kredit yang lebih mudah, pantas dan terjamin.

"Justeru, kita menjangkakan penambahan sebanyak 135 lagi premis baharu, sekali gus merancakkan lagi sektor koperasi negara," katanya ketika ditemui pada majlis perasmian Perniagaan Ar-Rahnu dan Kelana Emas di Setia Alam di sini semalam.

Kedai cawangan keempat Koperasi Pelaburan Kakitangan



ABDUL FATTAH (tengah) merasmikan premis Ar-Rahnu di Setia Alam semalam.

Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA) itu dirasmikan Nalib Pengerusi Eksekutif SKM, Amran Abd. Kadir dan turut dihadiri Pengerusi KOPUTRA, Zaharuddin Alias.

Jelas Abdul Fattah, pihaknya amat menggalakkan semua koperasi terutama berskala besar mempelbagaikan lagi perkhidmatan mereka.

"Selain sektor sedia termasuk peruncitan, Ar-Rahnu antara perniagaan yang mampu men-

jana pendapatan dan pulangan tinggi.

"Kita jangan hanya fokus kepada sesuatu perkara, namun boleh memperkembangkan ia kepada sektor lebih luas kepada ahli koperasi dan masyarakat," ujarnya.

Tambah beliau, perkembangan pesat Ar-Rahnu turut mampu membantu koperasi menyumbang peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) lebih tinggi kepada negara.

Perustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA